



Siri Undang-Undang Persaingan: Bahagian II

4 PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN YANG DILARANG

Perjanjian Anti-Persaingan (Kartel) merujuk kepada perjanjian yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan di pasaran dan adalah dilarang di bawah Bab 11 Perintah Persaingan.

1

PENETAPAN HARGA

Peniaga bersetuju untuk menetapkan harga barangan atau perkhidmatan tanpa bersaing untuk menawarkan nilai yang terbaik.

Peniaga A: Kita tetapkan harga buah oren kepada \$10/kg. Tiada diskaun.

Peniaga B + C: OK. Setuju!

2

PENGAWALAN BEKALAN

Peniaga bersetuju untuk menghadkan kuantiti barangan atau perkhidmatan di pasaran.

Peniaga A: Walaupun saya boleh menghasilkan 1000 biji oren tapi saya tidak akan membekalkan lebih daripada 500 biji supaya harga oren tetap tinggi di pasaran.

Peniaga B: Ya saya juga akan menghadkan bekalan kepada 300 biji oren sahaja.

Peniaga C: OK. Saya akan membekalkan 400 biji oren sahaja.

3

PERKONGSIAN PASARAN

Peniaga bersetuju untuk membahagikan pasaran mengikut jenis barangan atau perkhidmatan, atau mengikut kawasan geografi pengguna dan bersetuju untuk tidak memasuki "kawasan" masing-masing.

Peniaga A: Saya hanya akan menjual buah oren. Kamu boleh menjual buah pear dan epal.

Peniaga B: OK, saya setuju untuk hanya menjual buah pear.

Peniaga C: Saya hanya akan menjual buah epal!

4

TIPUAN BIDAAN

Proses tender yang dimanipulasi oleh penender dan/atau yang berpotensi untuk menender dengan menetapkan pemenang terlebih dahulu. Juga dikenali sebagai kolusif tender.

Peniaga A: Saya akan menender \$1000 bagi membekalkan buah oren.

Peniaga B + C: OK. Kami akan menender \$1200 dan \$1500 supaya kamu menang. Lain kali, giliran kami pula.

Tahukah
awda



- Pengguna akan menanggung kesan daripada Perjanjian Anti-Persaingan seperti membayar harga yang lebih mahal bagi kualiti yang rendah.
- Dengan adanya Perjanjian Anti-Persaingan, peniaga kehilangan insentif untuk menjadi lebih inovatif, produktif dan efisien yang mana akan memberi impak yang negatif kepada kemajuan ekonomi negara secara amnya.
- Penalti kewangan sehingga 10% dari hasil perniagaan bagi tempoh maksimum 3 tahun boleh dikenakan kepada peniaga-peniaga yang membuat Perjanjian Anti-Persaingan.